

Parti penuhi harapan rakyat dapat sokongan

BERITA MINGGU 31 OCT 2010 M/S 33

Kemenangan di Galas, Batu Sapi mampu tingkat motivasi pemimpin hadapi pilihan raya umum

DALAM sesetengah media, dilaporkan sesetengah penganalisis politik berpendapat pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Galas dan Parlimen Batu Sapi boleh menjadi pembayang kepada parti mana bakal memasuki gelanggang Pilihan Raya Umum Ke-13 sebagai 'favourite', namun tidak begitu bagi saya.

Untuk mengadakan Pilihan Raya Umum Ke-13, bergantung kepada banyak faktor, bukan setakat menang di Galas atau Batu Sapi. Kerajaan yang memerintah - ketika ini Barisan Nasional (BN) - lazimnya akan memberi pertimbangan lebih kepada faktor ekonomi dan juga kesediaan serta persiapan parti.

Jika faktor ekonomi umumnya memberangsangkan, maka Pilihan Raya Umum Ke-13 boleh bila-bila masa diadakan, cuma apa yang boleh disebut di sini ialah jika BN menang di Batu Sapi dan Galas, ia boleh menjadi satu lonjakan politik dan menaikkan motivasi pemimpin dan ahli parti.

Ahli UMNO tentunya akan melakukan gerak kerja berganda dalam kempen mereka dan berasa lebih yakin menghadapi Pilihan Raya Umum Ke-13 nanti. Pemimpin BN memerlukan momentum itu dalam usaha meyakinkan ahli parti selepas sekian lama berada dalam



RAKYAT mahu masalah kehidupan diselesaikan, bukan isu remeh temeh diperjuangkan.

gera terhadap isu pembalakan haram, air sungai berlumpur, alam sekitar tercemar, pemilikan tanah pertanian dan pekerja haram yang membanjiri kawasan pengundi. Mereka hendak pekerjaan, sekolah, jalan raya, padang bola dan sebagainya.

Apalagi pengundi terutama Orang Asli yang menyumbang 1,899 pemilih, Cina (2,317) dan India (185) yang menjadi penentu dalam pilihan raya kecil ini, berada agak jauh dari bandar, sekali gus tentu kurang berminat mengenai soal Islam tak Islam atau siapa lebih berpelajaran atau sebagainya!

Mengenai pengundi Melayu yang mewakili 11,553 undi, separuh daripada jumlah itu dijangka tetap menyokong PAS dan separuh lagi kepada UMNO. Jangkaan ini dibuat berdasarkan majoriti undi diterima calon PAS pada Pilihan Raya Umum 2008, iaitu hanya 646 undi. Dengan kempen rapi di pihak BN di mana strategi berkunjung dari rumah ke rumah berdasarkan kawasan peti undi yang dijalankan Tengku Razaleigh Hamzah, kemungkinan besar BN boleh menang!

Kesimpulannya, siapa atau parti mana boleh memberi penyelesaian kepada persoalan dan harapan pengundi seperti disebutkan di atas dijangka mendapat sokongan pengundi. BN nampaknya mampu

“ Pemimpin BN memerlukan momentum itu dalam usaha meyakinkan ahli parti selepas sekian lama berada dalam kemurungan politik, iaitu sejak BN menghadapi kemerosotan undi pada Pilihan Raya Umum 2008”

“ Jika diandaikan BN menang pada kedua-dua pilihan raya kecil ini, maka keyakinan pada pihak pemimpin BN

kemurngan politik, iaitu sejak BN menghadapi kemerosotan undi pada Pilihan Raya Umum 2008.

Jika diandaikan BN menang pada kedua-dua pilihan raya kecil ini, maka keyakinan pada pihak pemimpin BN untuk peluang menang besar dalam Pilihan Raya Umum Ke-13 tentu melebihi daripada keyakinan jika BN kalah! Cuma pada pendapat umum jika BN kalah, ia bukan pula kayu pengukur untuk BN mengalami kekalahan pada pilihan raya umum nanti.

Sebenarnya ada banyak faktor untuk sesebuah parti politik menang atau kalah pada pilihan raya. Bukan semua kerusi DUN atau Parlimen di negara kita mempunyai trend kepengundian yang sama. Seperti juga dalam kejohanan bola sepak dunia, pasukan menang peringkat kelayakan, belum tentu layak ke suku atau separuh akhir, pasukan kalah pada peringkat kelayakan belum tentu tersingkir dan tidak layak ke akhir!

Bagaimanapun BN didapati mempunyai peluang cerah untuk menang pilihan raya kecil Batu Sapi kerana kawasan itu sememangnya kawasan BN walaupun tentangan sengit dijangka berlaku dengan Parti Keadilan Rakyat (PKR) dan Parti Maju Sabah (SAPP).

Calon BN, Datin Linda Tsen Thau Lin adalah balu kepada Ahli Parlimen Batu Sapi, Datuk Edmund Chong Ket Wah yang meninggal dunia akibat kemalangan jalan raya dua minggu lalu. Pada Pilihan

Raya Umum 2008, Ket Wah menang dengan majoriti 3,708 undi menewaskan calon Bebas, Chung Kong Wing.

Seluruh pemimpin BN Pusat dan negeri memberi tumpuan kepada pilihan raya kecil ini, lebih-lebih lagi pemimpin Parti Bersatu Sabah (PBS), parti kedua terkuat Negeri Di Bawah Bayu selepas UMNO. Begitu juga pemimpin UMNO di bawah pimpinan Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Musa Aman yang bekerja keras untuk memastikan kemenangan berpihak kepada Linda.

Dari segi latar belakang, Batu Sapi bukanlah kubu kuat bagi mana-mana parti pembangkang. Pengundi lebih memberi tumpuan kepada isu pembangunan berbanding isu remeh yang bukan bersifat pembangunan. Bagi pengundi Bumiputera Islam dan bukan Islam, rata-rata masih patuh kepada pemimpin yang memerintah Sabah sekian lama.

Selain itu, Linda Thau Lin berbangsa Cina, tentunya menjadi calon pilihan pengundi Cina yang berjumlah 2,317 orang. Tetapi, senario pengundian mungkin jadi lain sekiranya DAP bertanding. Isu Sabah untuk Sabah yang dibawa calon SAPP, Datuk Yong Teck Lee juga dianggap 'sudah basi'.

Isu itu jugalah yang sebenarnya menyebabkan PBS di bawah pimpinan Tan Sri Dr Joseph Pairin Kitingan merudum sekitar akhir 1980-an. Kini Gagasan Sabah Untuk Malaysia dan 1Malaysia menjadi slogan rakyat. Calon PKR, Ansari

Abdullah pula dilihat tidak berma-ma dan dikatakan tidak mendapat sokongan padu PKR Sabah sendiri.

Suasana kepengundian mungkin berbeza sedikit di DUN Galas. Daripada pemerhatian, BN mempunyai peluang 50-50 untuk menang pilihan raya itu dan ia diakui Datuk Seri Mustapa Mohamed, Timbalan Pengarah Pilihan Raya Kecil BN bagi Galas bahawa BN masuk ke gelanggang sebagai 'underdog'.

Namun, dalam senario politik di Kelantan, pusingan U biasa berlaku di mana pengundi dianggap anjal dan boleh pada sesuatu ketika mengundi BN dan pada ketika lain mengundi PAS. Ia bergantung kepada banyak faktor seperti lokasi kawasan pilihan raya, sosioekonomi serta pembangunan setempat, calon, strategi kempen serta isu dibawa parti politik itu.

Perpaduan di kalangan ahli UMNO juga dilihat sangat penting. Jika tidak, akan terjadilah insiden 'sumbat gol sendiri' atau sabotaj dalam parti. Jika hal seperti itu tidak wujud, maka ada harapan cerah BN menang di Galas pada pilihan raya kecil ini.

Di Galas, pengundi dilihat lebih menumpukan kepada soal kehidupan, bagaimana hendak memperbaiki kehidupan yang lebih baik. Isu royalti minyak dan remeh-temeh seperti serangan terhadap peribadi calon serta pemimpin, dianggap kurang relevan berbanding masalah kehidupan.

Penduduk ingin penyelesaian se-

nyai kelihatan kerana dapat memberikan harapan kepada pengundi dengan agenda pembangunannya.

Peranan Ku Li sebagai Pengerusi Pilihan Raya Kecil BN bagi kerusi DUN Galas juga memberi kelebihan. Sambil dibantu Mustapa, penulis berasa PAS agak berdebar juga berdepan dengan bekas orang kuat UMNO Kelantan dan suatu masa dulu bekas tokoh nasional UMNO itu! Makna kata, sekurang-kurangnya ada kesan psikologi dengan kehadiran Ku Li di Galas.

Seluruh pemimpin BN Pusat juga memberikan tumpuan kepada pilihan raya kecil ini, bekerja keras memastikan kemenangan kepada UMNO. Di pihak pakatan pembangkang pula, PAS meletakkan kepercayaan kepada Dr Zulkefli Mohamad sebagai calon walaupun pernah kecundang di Parlimen Gua Musang menentang Ku Li pada Pilihan Raya Umum 2008.

Pada pendapat umum, parti yang menang dalam kedua-dua pilihan raya kecil ini boleh mendapat lonjakan politik, namun kekalahan tidak pula mengurangkan semangat mereka untuk terus berjuang. Berbekalkan kelebihan masing-masing, BN dan lawannya akan berentap semaksimum mungkin, namun kata akhirnya terpulung kepada kebijaksanaan pengundi.

Penulis adalah pensyarah di Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan Universiti Sains Malaysia (USM) dan penganalisis politik.

BN untuk peluang menang besar dalam Pilihan Raya Umum Ke-13 tentu melebihi daripada keyakinan jika BN kalah”

“ *Siapa atau parti mana boleh memberi penyelesaian kepada persoalan dan harapan pengundi seperti disebutkan di atas dijangka mendapat sokongan pengundi. BN nampaknya mempunyai kelebihan kerana dapat memberikan harapan kepada pengundi dengan agenda pembangunannya”*